

Terima anugerah tesis terbaik UK

» Pensyarah UPSI harumkan nama negara

Oleh Ihsan Noorzali
bhnews@bharian.com.my

► Tanjung Malim

Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Dahlia Janan mengharumkan nama negara apabila diumumkan penerima anugerah tesis terbaik bidang literasi seluruh United Kingdom (UK).

Beliau yang dilantik Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu UPSI, 16 Julai lalu, menerima anugerah *United Kingdom Literacy Association Research*

Student Award 2012 daripada Convenor of Research of United Kingdom Literacy Association (UKLA), Prof Guy Merhant pada 7 Julai.

Konsep baru

Tesis dihasilkan Dahlia, 42, ketika mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) di Universiti Warwick selama empat tahun berakhir 2011, memenangi anugerah itu kerana berjaya membangunkan semula konsep baru kebolehbacaan iaitu cara untuk menyesuaikan pembaca dengan teks dibaca.

Konsep kebolehbacaan sedia ada hanya mengkaji bidang kebolehbacaan menggunakan kaedah kuantitatif berbanding tesisnya yang mengkaji kemampuan kebolehbacaan menerusi kaedah kualitatif. Kajiannya kini menjadi rujukan

penyelidik antarabangsa.

Kepakaran dan kecenderungan Dahlia adalah bidang pedagogi dan proses bacaan dalam literasi kanak-kanak serta dewasa, kebolehbacaan dan pendekatan inovatif dalam meneliti kesukaran teks serta kajian bandingan proses bacaan dan literasi.

Dahlia berkata, beliau tidak menyangka menerima anugerah itu yang akan menjadi kenangan manis sepanjang pembabitannya dalam dunia akademik, selain hadiah tuit sambutan 90 tahun UPSI tahun ini.

“Kejayaan ini bukan saja untuk diri sendiri dan keluarga, malah untuk universiti dan dunia pendidikan negara. Ini juga bukan bermakna perjuangan saya sudah selesai, tetapi baru bermula. Saya berazam membayar kembali jasa dan sokongan kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan belajar sejak saya di bangku sekolah sehingga PhD,” katanya.



Dahlia dan penyelia tesisnya Profesor David Wray, menunjukkan anugerah yang diraihinya di University of Warwick.

INFO

Profail B/A 3/3/12
MS 22.

- © Dr Dahlia Janan - 42 tahun
- © Jawatan - Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu UPSI
- © Pakar bidang pedagogi dan proses bacaan dalam literasi

